

'Saya tidak ambil satu sen daripada hadiah'

Tun Mahathir akui tolak tawaran ganjaran yang diberikan kerajaan kepada bekas Perdana Menteri

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui beliau tidak menerima 'satu sen' daripada hadiah yang ditawarkan kerajaan sebagai ganjaran atau hadiah sebagai bekas Perdana Menteri.

Sebaliknya Ahli Parlimen Langkawi itu menegaskan beliau memilih untuk membayar harga tanah yang ditawarkan kepadanya.

"Saya juga mengakui saya bekas Perdana Menteri tapi saya tidak ambil satu sen daripada hadiah kepada saya, mungkin kerana jasa saya itu tidak ada, tidak cukup hendak dapat hadiah.

"Tetapi saya mengaku ada tawaran hendak beri kepada saya sekeping tanah saya tolak dan saya sebaliknya tawar untuk beli tanah bukan dapat percuma," katanya ketika membahaskan Usul Menjunjung Titah Diraja di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Jelas Dr Mahathir, beliau membuat keputusan untuk menolak ganjaran yang diberikan



FOTO: BERNAMA

Dr Mahathir bercakap pada sesi perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen pada Isnin.

kerana merasakan gaji yang diterima setiap bulan sudah cukup banyak bagi seorang pemimpin nombor satu negara ketika itu.

"Saya dapat RM20,000 sebulan (sebagai Perdana Menteri) lebih daripada cukup, bahkan kerajaan beri semua keperluan kepada saya.

"Saya diberi rumah, air, pengangkutan dan beberapa buah kereta, malah kapal terbang pun diberi kepada saya," katanya.

Justeru katanya, keputusan kerajaan untuk meluluskan sebuah hartanah bernilai RM100 juta permohonan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai ganjaran tidak

munasabah.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada sesi persidangan Dewan Rakyat Oktober tahun lalu mengesahkan kabinet menerima permohonan daripada Najib untuk mendapatkan hartanah bernilai RM100 juta di ibu negara.

Bercakap semasa sesi penggulungan di Dewan Rakyat pada Khamis, Tengku Zafrul bagaimanapun berkata, maklumat berkaitan rumah dan hartanah bernilai RM 100 juta tersebut tidak dimasukkan ke dalam Bajet 2022 kerana permohonannya dibuat selepas pembentangan.